KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA 28 NOVEMBER 2026

PLUS LAKSANA PEMBAIKAN SEGERA LALUAN NILAI-BANDAR AINSDALE DI KM271 LEBUHRAYA UTARA-SELATAN

Petaling Jaya, 28 November 2026: PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah mengambil tindakan segera susulan insiden akibat kerosakan permukaan jalan di lorong tengah antara laluan Nilai dan Bandar Ainsdale (Arah Selatan), di KM271 Lebuhraya Utara-Selatan. Insiden yang berlaku pada jam 9.33 pagi tadi melibatkan beberapa buah kenderaan, namun tiada kecederaan dilaporkan.

PLUS kesal atas kejadian tersebut dan memohon maaf atas kesulitan yang dialami oleh pengguna lebuh raya yang terjejas.

PLUS sedang berusaha memastikan kerja pembaikan dapat diselesaikan secepat mungkin. Pasukan penyelenggaraan PLUS kini berada di lokasi berkenaan bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan segera. Untuk makluman, kerja-kerja tampalan telah dilaksanakan di lokasi sama malam tadi, namun kerosakan berulang pagi ini berikutan keadaan cuaca hujan berterusan.

Bagi memastikan keselamatan pengguna lebuh raya dan petugas sepanjang kerja-kerja pembaikan dijalankan, penutupan lorong sementara sedang dilaksanakan di lokasi berkenaan. Pengguna lebuh raya dinasihatkan supaya memperlahankan kenderaan serta mematuhi semua papan tanda trafik dan arahan petugas di lokasi.

Orang ramai turut dinasihatkan supaya merancang perjalanan dan mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya - PUTRI atau saluran media sosial rasmi PLUS.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nadirah H. Rodzi Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-343 2120 Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my	**Rofina Adam** Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my